

U B952 DEB

MAHATHIR - ANUGERAH

I

DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

CARACAS, 2 OGOS (BERNAMA) -- PRESIDEN VENEZUELA CARLOS ANDRES PEREZ MALAM TADI MENYIFATKAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI SEORANG DARIPADA PEMIMPIN MASA KINI DARI ASIA YANG BERJAYA MENUKAR CORAK SEBUAH NEGARA MEMBANGUN DARI DUNIA KETIGA MENJADI NEGARA YANG MODEN LAGI MAJU.

PRESIDEN PEREZ TELAH DUA KALI MELAWAT MALAYSIA IAITU KALI PERTAMA SEBAGAI ANGGOTA SURUHANJAYA SELATAN BEBERAPA TAPUN LALU DAN KEMUDIAN KETIKA MENGHADIRI MESYUARAT KUMPULAN PERUNDINGAN DAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN (G-15) PADA JUN LALU.

PRESIDEN PEREZ BERKATA, PADA KESEMPATAN KALI PERTAMA, BELIAU AMAT KAGUM DENGAN APA YANG DILIHATNYA DI MALAYSIA.

+SAYA INGIN BERTERUS-TERANG BAHAWA SEBELUM LAWATAN ITU, SAYA FIKIR DAN SAYA PERCAYA KEBANYAKAN RAKYAT VENEZUELA BERSETUJU DENGAN PANDANGAN SAYA, BAHAWA MALAYSIA MASIH MERUPAKAN NEGARA MUNDUR,+ KATA BELIAU KETIKA BERUCAP PADA UPACARA BERTUKAR-TUKAR PENYAMPAIAN ANUGERAH KEBESARAN ANTARA KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU DI ISTANA PRESIDEN +LA CASONA+ DI SINI.

PRESIDEN PEREZ MENYAMPAIKAN ANUGERAH TERTINGGI NEGARA ITU +ORDER OF LIBERATOR+ KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR, ANUGERAH YANG DIKHUSUSKAN BAGI KETUA-KETUA KERAJAAN ASING YANG BERJUANG MEMPERTAHKAN DEMOKRASI DAN PRINSIP KEMANUSIAAN. -- LAGI.

1453MST 02 08 90

U B955 DEB

MAHATHIR - ANUGERAH 2 CARACAS

DATUK SERI DR MAHATHIR PULA BAGI PIHAK YANG DI-PERTUAN AGONG MALAYSIA MENYAMPAIKAN ANUGERAH DARJAH MANGKU NEGARA (D.M.N.) KEPADA PRESIDEN PEREZ.

+SEMASA LAWATAN KEDUA SAYA, SAYA TERTARIK TENTANG CARA TUAN MEMIMPIN NEGARA TUAN KE ARAH KEMAJUAN,+ KATA BELIAU.

+KEJAYAAN RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH, PERINDUSTRIAN DAN AKTIVITI LAIN ADALAH SESUATU YANG NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA TERMASUK NEGARA KAMI SENDIRI BOLEH MENCONTOHINYA,+ KATA BELIAU.

PRESIDEN PEREZ BERKATA BAHAWA HANYA SELEPAS LAWATAN PERTAMA BELIAU MEMBERITAHU RAKAN-RAKANNYA DI DALAM DAN LUAR KABINET BAHAWA KERJASAMA SELATAN-SELATAN AKAN MEMBUAHKAN HASIL.

BELIAU BERKATA, NEGARA-NEGARA DI SELATAN TELAH LAMA BERKIBLAT KEPADA UTARA UNTUK PANDUAN SEDANGKAN MEREKA KURANG MENGENALI ANTARA SATU SAMA LAIN DAN MENAMBAH KATA= +SAYA KINI BERAZAM UNTUK MENJADIKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN SATU KEJAYAAN.+ -- LAGI.

1510MST 02 08 90

U 8961 DEB  
MAHATHIR - ANUGERAH 3 CARACAS

PEMIMPIN VENEZUELA ITU BERKATA BELIAU MENGUNDANG KHAS DATUK SERI DR MAHATHIR BAGI LAWATAN NEGARA INI SUPAYA SERENTAK DENGAN PELANCARAN LAPORAN AKHIR SURUHAJAYA SELATAN YANG DIJADUALKAN JUMAAT INI DI SINI, SEBAGAI MENGHARGAI SUMBANGAN DATUK SERI DR MAHATHIR KE ARAH PERJUANGAN DUNIA KETIGA.

PRESIDEN ITU BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MEMPERJUANGKAN TANPA MENGENAL PENAT DAN JEMU KEPENTINGAN DUNIA KETIGA DALAM PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI (NAM), SURUHANJAYA SELATAN DAN YANG TERBARU G-15.

+KAMI BERBESAR HATI KERANA TUAN TELAH MENERIMA UNDANGAN KAMI UNTUK BERADA DI SINI. KETIKA INI,+ KATA BELIAU.

DALAM UCAPAN BALASNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PRESIDEN VENEZUELA ATAS PENGHARGAAN DAN ANUGERAH YANG DISAMPAIKAN KEPADANYA.

+SAYA TIDAK PASTI SAMA ADA SAYA BENAR-BENAR LAYAK MENERIMANYA,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI YAKIN DENGAN HASIL PERBINCANGAN DENGAN PRESIDEN PEREZ DAN BEBERAPA SIRI RUNDINGAN ANTARA WAKIL-WAKIL SEKTOR SWASTA KEDUA-DUA NEGARA SEMASA LAWATAN LIMA HARI KE SINI.

BELIAU BERHARAP PERBINCANGAN ITU AKAN MENAMPAKKAN HASIL KE ARAH MENINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA. -- BERNAMA.  
1524MST 02 08 90